KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Kena buat audit forensik kesan dalang akibatkan FELDA kerugian'
PAUTAN	https://tinyurl.com/52keace9

'Kena buat audit forensik kesan dalang akibatkan FELDA kerugian' - Ahmad Zahid

Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Ogos 23, 2026 @ 12:20pm



Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah , Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi ketika menyampaikan ucapan perasmian pada Perasmian World Islamic Tourism Dan Trade Expo (WITEX) 2026 Dan World Cultural & Arts Festival (WCAF) 2026 di Dewan Tun Hussein Onn, Aras 2, World Trade Centre Kuala Lumpur (WTC). - Foto ASWADI ALIAS

Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan audit forensik perlu dibuat bagi mengenal pasti dalang yang mengakibatkan FELDA menanggung kerugian hampir RM10 bilion.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tanggungjawab melaksanakan perkara itu terletak pada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, biarpun bekas Pengerusi FELDA sudahpun menjalani hukuman.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, ini bagi membolehkan pihak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya jika terbukti wujud unsur salah guna kuasa, pecah amanah atau salah tadbir urus.

Bagaimanapun, katanya, siasatan terbabit tidak boleh dijadikan alat untuk bertindak zalim, menganiaya atau memalukan mana-mana pihak, seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Newswav
TAJUK	Zahid calls for forensic audit into RM9b FELDA losses
PAUTAN	https://tinyurl.com/p2z5hujm

Zahid calls for forensic audit into RM9b Felda losses

Local | Politics | 23 Aug 2026 • 12:35 PM MYT

The Vibes
Featuring breaking news & latest stories from every side.



DEPUTY Prime Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi has called for a forensic audit into RM9 billion in losses suffered by the Federal Land Consolidation and Rehabilitation Authority (Felda), saying the scale of the losses cannot be tolerated.

He said the investigation must go beyond a routine management audit to determine whether there had been abuse of power, breach of trust or failures to follow proper procedures.

"Felda has faced very serious and long-standing problems. The loss or RM9 billion in losses cannot be tolerated.

"In my view, this responsibility has been taken up by the Prime Minister (Datuk Seri Anwar Ibrahim) to conduct an investigation, even though the former Felda chairman has already served his sentence.

"However, if there has been abuse of power, breach of trust or failure to follow procedures, in my view, a detailed investigation must be conducted. What is important is that it should not only be a management audit, but a forensic audit must also be carried out," he said.

Zahid said the government must protect the interests of more than 225,000 Felda settlers, whose livelihoods are linked to the agency.

He stressed, however, that any investigation must be conducted fairly and should not be used to humiliate or unfairly target individuals.

"Certainly, those responsible should be brought to justice if there is strong evidence against them.

"But do not insult, oppress or seek to humiliate any individual, as has been done before," he said.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **24 OGOS 2026 (ISNIN)**	
MEDIA	UKAS
TAJUK	5,000 Pengunjung Meriahkan Konsert GEMA@KKDW
PAUTAN	https://tinyurl.com/2wr69tdw

5,000 Pengunjung Meriahkan Konsert GEMA@KKDW



KOTA SAMARAHAN: Kira-kira 5,000 pengunjung membanjiri Halaman Samarahan bagi memeriahkan Konsert GEMA@KKDW Sarawak 2026 yang berlangsung pada Sabtu.

Kehadiran masyarakat daripada pelbagai lapisan menjadikan kawasan berkenaan bergema dengan sorakan, tepukan dan nyanyian bersama, sekali gus menyerlahkan sambutan menggalakkan terhadap penganjuran program berkenaan.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah merangkap Ahli Parlimen Kota Samarahan, Datuk Rubiah Wang.

Konsert malam pertama itu menampilkan persembahan Senitari RISDA dan Kombo RISDA sebelum diteruskan dengan persembahan artis jemputan terdiri daripada Shahdad, Amir UKAYS, Hijrah Yahya dan Azlan Typewriter.

Persembahan barisan artis berkenaan mendapat sambutan hangat daripada pengunjung yang turut menyanyi bersama, khususnya ketika lagu-lagu popular dan berunsur nostalgia dipersembahkan.

Kemeriahan turut diceriakan gandingan pengacara Syarifah Elya dan Chopie Cakap yang menghidupkan suasana menerusi interaksi bersama penonton serta celoteh menghiburkan.

Konsert berkenaan merupakan antara pengisian utama Program GEMA@KKDW Negeri Sarawak yang turut menampilkan pelbagai aktiviti kemasyarakatan, sukan, kebudayaan dan hiburan untuk komuniti setempat. -EDISI UKAS

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Kadar sewaan dewan DBKL bagi program KEMAS wajar dikurangkan
PAUTAN	https://tinyurl.com/4yc6fk44

Kadar sewaan dewan DBKL bagi program Kemas wajar dikurangkan



KUALA LUMPUR 23 OGOS 2026. Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Johari Abdul Ghani bergambar bersama guru-guru dan murid-murid Tabika Kemas dari Wilayah Persekutuan ketika Perasmian Prog-Alpha Gen Talent @ Kemas 2026 di Arena Sukan KL. Foto : Saddam Yusoff

Oleh HANAFI ZULKEFLI 23 Ogos 2026, 12:24 pm

KUALA LUMPUR: Kadar sewaan dewan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi program Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) wajar dikurangkan atau dikecualikan kerana kebanyakan peserta terdiri daripada ibu bapa dan keluarga berpendapatan rendah.

Pengerusi Komuniti KEMAS Wilayah Persekutuan Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, kadar sewaan asal yang ditetapkan dianggap amat tinggi dan perkara tersebut amatlah membebankan ibu bapa yang terlibat.

Katanya, pihaknya akan membawa isu berkenaan kepada Kabinet dalam masa terdekat untuk dibincangkan.

"DBKL perlu cakna kerana program berkenaan bukan dianjurkan pada setiap minggu atau setiap bulan oleh pihak KEMAS.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Buletin TV3
TAJUK	DBKL diminta pertimbang pengecualian sewaan dewan untuk program KEMAS
PAUTAN	https://tinyurl.com/4yc6fk44

DBKL diminta pertimbang pengecualian sewaan dewan untuk program KEMAS

23 Ogos 2026, 12:33pm



Johari ketika di Program Alpha Gen Talents KEMAS Wilayah Persekutuan 2026, hari ini – Foto Buletin TV3

Oleh: Fatin Hanani Sahimi

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diminta mempertimbangkan pengecualian bayaran sewaan dewan bagi program anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), khususnya yang membabitkan golongan berpendapatan rendah.

Pengerusi Komuniti KEMAS Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, perkara itu juga akan dibawa ke Parlimen bagi mendapatkan sokongan DBKL berhubung pelaksanaannya.

"Saya rasa kalau dewan-dewan DBKL ini digunakan untuk aktiviti yang tidak melibatkan politik dan lebih kepada ibu bapa berpendapatan rendah serta B40 yang membawa anak-anak menyertai aktiviti ini, tidak perlulah dikenakan sewaan sehingga RM15,000.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Malay Mail
TAJUK	Kampung Ladoi's muddy road hampers Daily travel, emergency response
PAUTAN	https://tinyurl.com/bdfxhk95

Daily struggles: Kampung Ladoi's muddy road hampers daily travel, emergency response



Galas State Assemblyman (ADUN) Datuk Mohd Syahbuddin Hashim distributed clothes to Orang Asli residents of the Temiar tribe at the Clothing Distribution Program in Kampung Ladoi, Pos Hau here.A total of eight tonnes of used clothes collected over a period of six days were distributed to Orang Asli residents in eight settlements within the Galas DUN area, including Kampung Ladoi which received such assistance for the first time. — Bernama pic

Stay updated on the latest news and insights. Subscribe to our newsletter here

Summary

- In Gua Musang, heavy rains render the main access road to Kampung Ladoi impassable, posing significant challenges for the 225 Orang Asli residents, particularly affecting children's school commutes and emergency aid delivery.
- Concerns over safety and accessibility of essential services have been raised, prompting local leaders and officials, including Galas assemblyman Datuk Mohd Syahbuddin Hashim, to advocate for road upgrades to improve residents' daily lives and educational access.
- The current road condition complicates emergency responses, as limited connectivity requires leaving the village to request assistance.

Make **Malay Mail** your preferred source on Google

First Published: Sunday, 23 Aug 2026 7:00 AM MYT

GUA MUSANG, Aug 23 — For the 225 Orang Asli residents of Kampung Ladoi here, heavy rain can turn the main access road to the village into a muddy stretch, making it difficult for children to get to school and emergency aid to reach the community.

Anor Aznan, 46, of the Temiar tribe said the muddy paths and poor condition of the road linking Kampung Ladoi and Kampung Redip had raised concerns among parents over their children's safety travelling to and from school.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	BERNAMA
TAJUK	40 Rumah Orang Asli Uzur di DUN Machap Jaya Dicadang Dibaik Pulih
PAUTAN	https://tinyurl.com/3y9nhee2

AM > BERITA

40 Rumah Orang Asli Uzur Di DUN Machap Jaya Dicadang Dibaik Pulih

23/08/2026 05:55 PM



Kredit: FB - Ngwe Hee Sem

ALOR GAJAH, 23 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 40 rumah masyarakat Orang Asli yang uzur di tujuh kampung dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap Jaya dicadang untuk dibaik pulih menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Melaka dengan anggaran kos keseluruhan RM800,000.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya Datuk Ngwe Hee Sem berkata permohonan bagi kerja baik pulih berkenaan dikemukakan secara berperingkat, termasuk fasa pertama dan kedua bagi membantu keluarga yang berdepan keadaan kediaman rosak dan memerlukan pembaikan.

"Usaha ini turut mendapat persetujuan kerajaan negeri untuk membolehkan peruntukan negeri digunakan bagi kerja baik pulih rumah masyarakat Orang Asli, tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Suara TV
TAJUK	40 rumah Orang Asli uzur di Machap Jaya dicadang dibaik pulih
PAUTAN	https://tinyurl.com/4euas44h

40 rumah Orang Asli uzur di Machap Jaya dicadang dibaik pulih

By **Editor** 23/08/2026



ALOR GAJAH – Sebanyak 40 rumah masyarakat Orang Asli yang uzur di tujuh kampung dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Machap Jaya dicadang dibaik pulih menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri Melaka.

ADUN Machap Jaya, Datuk Ngwe Hee Sem berkata, keseluruhan kerja baik pulih itu dianggarkan menelan kos RM800,000 dengan perbelanjaan bagi setiap rumah tidak melebihi RM20,000.

Menurut beliau, permohonan dikemukakan secara berperingkat menerusi fasa pertama dan kedua bagi membantu keluarga yang tinggal di kediaman rosak serta memerlukan pembaikan segera.

"Usaha ini turut mendapat persetujuan kerajaan negeri bagi membolehkan peruntukan negeri digunakan untuk membaik pulih rumah masyarakat Orang Asli tanpa perlu bergantung sepenuhnya kepada peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

"JAKOA sememangnya mempunyai peruntukan, namun jumlahnya terhad. Bagi tahun ini, mereka hanya dapat membina dua rumah baharu di DUN Machap Jaya, manakala rumah yang dapat dibaik pulih juga tidak sampai lima," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Melaka Hari Ini
TAJUK	Penantian 15 tahun generasi kedua FELCRA BUkit Sedanan Berkahir
PAUTAN	https://tinyurl.com/52p8utku

PENANTIAN 15 TAHUN GENERASI KEDUA FELCRA BUKIT SEDANAN BERAKHIR

MOHAMAD FAZRUL ABDUL MAJID
AHAD, 23 OGOS 2026 @ 18:43

Masa Membaca:1 Minit, 57 Saat

ASAHAN 23 Ogos – Penantian selama 15 tahun bagi 106 keluarga generasi kedua Felcra Bukit Sedanan untuk mendapatkan hak milik tanah akhirnya berakhir apabila mereka menerima Notis 5A daripada Kerajaan Negeri. Rujukan Geografi

Istimewanya, penyerahan notis itu disampaikan sendiri Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Raut Yusoh pada siri Jelajah Ketua Menteri Sayang Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Asahan, hari ini.

Ketua Menteri berkata, penyerahan Notis 5A itu menjadi satu langkah penting kepada keluarga generasi kedua untuk merealisasikan impian memiliki sebidang tanah dan membina kediaman sendiri.

Beliau berkata, tempoh 15 tahun bukanlah satu penantian yang singkat, malah sepanjang tempoh itu pelbagai persoalan pastinya bermain di fikiran penerima mengenai bila urusan berkenaan akan diselesaikan.

"Menerusi penyerahan Notis 5A ini, perjuangan 106 keluarga Generasi Kedua FELCRA Bukit Sedanan akhirnya memasuki satu langkah penting menuju pemilikan tanah melalui Program Hak Milik Tanah FELCRA.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	KPTM Sarawak beroperasi tahun depan, 500 pelajar disasar bagi kumpulan pertama
PAUTAN	https://tinyurl.com/mst2hhrs

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TV1
TAJUK	Siasatan isu FELDA: Audit forensik perlu kenal pasti salah laku
PAUTAN	https://tinyurl.com/yh7bhfem

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Astro Awani
TAJUK	Kerugian FELDA perlu siasatan terperinci
PAUTAN	https://tinyurl.com/4d6mp9ur

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	TRAXX fm
TAJUK	DPM said a detailed investigation is needed following FELDA's previous losses of up to RM9 billion
PAUTAN	https://tinyurl.com/tjjshavy

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA **24 OGOS 2026 (ISNIN)**	
MEDIA	Utusan Malaysia
TAJUK	Audit forensik kenal pasti dalang kerugian FELDA RM10 bilion
PAUTAN	https://tinyurl.com/3hs6dybp



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Berita Harian
TAJUK	Cari dalang buat FELDA rugi tanpa zalimi sesiapa
PAUTAN	https://tinyurl.com/2e7bcds2

'Cari dalang buat FELDA rugi tanpa zalimi sesiapa'

Ahmad Zahid gesa audit forensik untuk siasatan adil

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Audit forensik perlu dijalankan bagi mengenal pasti dalang mengakibatkan FELDA kerugian hampir RM10 bilion, tetapi isu itu tidak boleh dijadikan alat untuk menzalimi mana-mana pihak, tegas Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, tanggungjawab melaksanakan perkara itu terletak pada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, biarpun bekas Pengerusi FELDA sudah pun menjalani hukuman.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah, menegaskan audit forensik perlu bagi membolehkan pihak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya jika terbukti wujud unsur salah guna kuasa, pecah amanah atau salah tadbir urus.

Bagaimanapun, katanya, siasatan terbabit tidak boleh dijadikan alat untuk bertindak zalim, menganiaya atau memalukan mana-mana pihak, seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

"FELDA berdepan masalah begitu besar dan berlarutan. Kita tak boleh bertolak ansur dengan jumlah kerugian terbabit.

"Tanggungjawab melakukan siasatan diambil Anwar dan yang penting bukan hanya audit pengurusan, tetapi audit forensik juga mesti dilakukan.

"Tentunya pihak bertanggungjawab harus dibawa ke muka pengadilan jika ada bukti kukuh, tetapi jangan lakukan penganiayaan atau kezaliman memalukan mana-mana individu seperti yang pernah dilakukan sebelum ini," katanya pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Pelancongan dan Perdagangan Islam Dunia (WITEX) serta Festival Seni dan Kebudayaan Dunia di sini, semalam.

Tunggu laporan petugas Khas

Kelmarin, Anwar dilaporkan berkata, akan menunggu laporan lengkap Pasukan Petugas Khas yang menyiasat isu pengurusan FELDA sebelum membuat sebarang pengumuman rasmi.



Perdana Menteri dilaporkan menunggu laporan lengkap Pasukan Petugas Khas menyiasat isu pengurusan FELDA. (Foto hiasan)

Pasukan terbabit, katanya, sudah memulakan tugas dan dapatan siasatan dijangka dibentangkan dalam tempoh terdekat, selain laporannya akan didedahkan kepada umum, sejurus di muktamadkan kelak.

Sebelum ini, media memaklumkan bahawa laporan Pasukan Petugas Khas berkaitan FELDA dijangka siap dalam tempoh beberapa bulan lagi sebelum didedahkan kepada umum.

Ahmad Zahid berkata, siasatan menyeluruh ke atas FELDA perlu dilakukan bagi memastikan peneroka dan generasi FELDA mendapat pembelaan sewajarnya.

"Seramai 225,000 peneroka dan tidak kurang 1.8 juta generasi FELDA terbabit yang kini sudah memasuki generasi kelima secara langsung atau tidak dalam isu ini.

"Justeru, kerajaan mesti sentuni (isu membelenggu FELDA) supaya kepentingan mereka terus dipertahankan sewajarnya," katanya.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Harian Metro
TAJUK	Siasat FELDA rugi RM10 bilion
PAUTAN	https://tinyurl.com/3y53jdya



ZAHID SYOR LAKSANA AUDIT FORENSIK

Siasat FELDA rugi RM10b

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menegaskan audit forensik perlu dibuat bagi mengenal pasti dalang yang mengakibatkan FELDA menanggung kerugian hampir RM10 bilion.

Timbalan Perdana Menteri berkata tanggungjawab melaksanakan perkara itu terletak pada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim biarpun bekas Pengerusi FELDA sudahpun menjalani hukuman.

Beliau yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, ini bagi membolehkan pihak bertanggungjawab dikenakan tindakan sewajarnya jika terbukti wujud unsur salah guna kuasa, pecah amanah atau salah tadbir urus.

Bagaimanapun, katanya, siasatan terbabit tidak boleh dijadikan alat untuk bertindak zalim, menganiaya atau memalukan mana-mana pihak seperti yang pernah dilakukan sebelum ini.

"FELDA berdepan masalah begitu besar dan berlarutan. Kita tak boleh bertolak ansur dengan umlah kerugian terbabit.

"Tanggungjawab melakukan siasatan diambil Anwar dan yang penting bukan hanya *management auditing* (audit pengurusan), tetapi *forensic auditing* (audit forensik) juga mesti dilakukan.

"Tentunya pihak bertanggungjawab harus dibawa ke muka pengadilan jika didapati ada bukti kukuh, tetapi jangan lakukan penganiayaan atau kezaliman untuk memalukan mana-mana individu seperti yang pernah dilakukan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Ekspo Pelancongan dan Perdagangan Islam Dunia (WITEX) serta Festival Seni dan Kebudayaan Dunia di sini, semalam.

Kelmarin, Anwar dilaporkan berkata, akan menunggu laporan lengkap Pasukan Petugas Khas yang menyiasat isu pengurusan FELDA sebelum membuat sebarang pengumuman rasmi.

Pasukan terbabit, katanya, sudah memulakan tugas dan dapatan siasatan dijangka dibentangkan dalam tempoh terdekat, selain laporannya akan didedahkan kepada umum, sejurus dimuktamadkan kelak.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sinar Harian
TAJUK	Siasatan isu FELDA perlu audit forensik
PAUTAN	https://tinyurl.com/3s88ndef

Siasatan isu Felda perlu audit forensik

Kenal pasti penyalahgunaan kuasa hingga akibatkan kerugian RM9 bilion

FOTO: BERNAMA



Ahmad Zahid (kiri) melawat reruai pameran dan jualan sempena WITEX di WTC Kuala Lumpur pada Ahad.

KUALA LUMPUR - Audit forensik perlu dijalankan bagi mengenal pasti sama ada berlaku penyalahgunaan kuasa, pecah amanah atau pelanggaran tatakelola dalam pengurusan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, audit pengurusan sahaja tidak memadai memandangkan isu melibatkan agensi itu telah berlarutan sejak sekian lama dan mengakibatkan kerugian mencecah berbilion ringgit.

"Felda menghadapi permasalahan yang begitu besar dan lama. Kehilangan atau kerugian RM9 bilion tidak boleh ditoleransikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sidang Kemuncak Menteri dan Ketua Pegawai Eksekutif bersempena dengan Ekspo Pelancongan dan Perdagangan Islam Sedunia (WITEX) 2026 di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) di sini pada Ahad.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata demikian ketika ditanya mengenai sokongan terhadap penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menyiasat Felda.

Beliau berkata, pihak bertanggungjawab perlu dibawa ke muka pengadilan jika terdapat bukti kukuh, namun siasatan tersebut tidak seharusnya digunakan untuk menganiaya atau memalukan mana-mana individu.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan akan terus melindungi kepentingan serta kebajikan 225,000 peneroka Felda serta generasi pertama hingga kelima yang secara keseluruhannya melibatkan kira-kira 1.8 juta orang.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memaklumkan, kerajaan akan mengumumkan laporan siasatan berkaitan Felda dalam masa terdekat selepas Pasukan Petugas Khas menyelesaikan siasatan yang sedang dijalankan.

Menurut Anwar, kini beliau menunggu laporan lengkap siasatan berkenaan sebelum hasilnya didedahkan kepada umum.

Beliau sebelum ini pernah mendedahkan Felda kini menanggung kerugian RM9 bilion akibat salah urus serta campur tangan politik yang berlebihan.

Tegasnya, laporan diterima menunjukkan Felda dibelenggu hutang sekali gus memaksa kerajaan menanggung beban kewangan yang besar setiap tahun. - *Bernama*

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	NST
TAJUK	Zahid wants forensic audit for FELDA
PAUTAN	https://tinyurl.com/kfuekps9



Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi has stressed that the welfare of Felda's 225,000 settlers and their families must remain protected. NSTP FILE PIC

NEARLY RM10B DEBTS

ZAHID WANTS FORENSIC AUDIT FOR FELDA

DPM backs Anwar's push for probes, but says investigations must not be used to 'humiliate' any individual

AHMAD MUKHSEIN MUKHTAR
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

DEPUTY Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi wants a forensic audit into alleged wrongdoings at the Federal Land Development Authority (Felda) to identify those responsible for causing the agency to incur nearly RM10 billion in debts.

He said any suspected abuse of power, breach of trust or governance failures must be thoroughly investigated, adding that the probe should go beyond a conventional management audit.

"What is important is that it should not only involve a management audit, but a forensic audit must also be conducted," he told reporters after closing the 2026 World Islamic Tourism and Trade Expo at the World Trade Centre Kuala Lumpur here yesterday.

Zahid, who is also rural and regional development minister, said Felda had long faced serious problems and backed Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim in pursuing investigations into the agency.

"Let the prime minister take responsibility for carrying out the investigation, even though the former Felda chairman has already served his sentence.

"If there is any abuse of power, breach of trust or failure to follow proper governance procedures, then in my view, a thorough investigation must be carried out," he said.

While saying wrongdoing should be prosecuted, Zahid stressed that investigations should be carried out fairly.

"Those responsible must, of course, be brought to court if there is strong evidence. But there should be no injustice or attempt to humiliate any individual," he said.

He also stressed that the welfare of Felda's 225,000 settlers and their families must remain protected, saying the wider Felda community, spanning its first to fifth generations, numbered at least 1.8 million people.

"We must look after them so that the interests and welfare of the Felda community continue to be properly safeguarded by the government," he said.

Anwar has stepped up scrutiny of Felda in recent weeks, saying the agency was burdened with nearly RM10 billion in debts and losses after years of management failures and excessive political interference.

He said Felda had once been among the world's largest plantation organisations and generated billions of ringgit in profits annually before its financial position deteriorated.

He had also said the decline was not due to settlers failing to work hard, but rather because those entrusted to manage the agency betrayed the confidence placed in them.

Anwar had previously said the government was paying RM980 million annually to cover Felda's financial obligations stemming from losses incurred under its previous management.

On Friday, Anwar had said a special task force investigating Felda's management had begun its work and that he would wait for its complete findings before making any announcement.

He said the task force would examine past problems, as well as Felda's current management and future direction, with its findings to be made public.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Sin Chew Daily
TAJUK	Kerugian RM9 bilion tidak boleh ditoleransi
PAUTAN	https://tinyurl.com/nxam9x5p



U4 | 國內 | 编辑：胡佳雁

FELDA

→阿末扎希：联土局的问题交由首相负责。（谭伽岐摄）

扎希：不能容忍虧90億

聯土局需法證審計

（吉隆坡23日讯）副首相拿督斯里阿末扎希指出，联邦土地发展局（FELDA）的问题必须展开详细调查，除了管理审计外，还必须进行法证审计。

他强调，联土局面临着非常巨大且存在已久的问题，90亿令吉的损失或亏损是不能被容忍的。

“对我来说，就让首相拿督斯里安华来负责采取行动展开调查，尽管联土局前主席正在服刑。”

阿末扎希今早推介世界伊斯兰旅游及贸易博览会（WITEX）部长及首席执行员峰会后，接受媒体访问，针对是否欢迎成立皇家调查委员会调查联土局一事，如是回应。

他表示，若联土局内部存在一些滥权或失信，以及未遵守治理规范的情况，必须进行详细调查。如果发现有确切的证据，必须将这些人绳之以法。“但不要进行侮辱、暴政或尝试羞辱任何人，就如过去曾发生的那样。”

首相安华上个月曾表示，联土局因管理不善及过度的政治干预，蒙受近100亿令吉的亏损，使得政府每年承担承重的财政负担。他目前还表示，在特工队完成目前正在进行的调查后，政府将公布调查报告。

仍需努力搶全球穆客源

阿末扎希指出，在抢占国际穆斯林旅游市场上，马来西亚仍需努力。除了采用新科技外，也应该鼓励针对市场特定需求的创新，从数字探索和清真保障，到支付、交通出行和个人化旅游体验。

技职培训应对产业需求

“通过我国的技职教育与培训生态系统，大马正在加强由产业驱动的培训，并培养能够应对酒店业、航空业、旅游服务、数字科技以及更广泛清真经济领域新需求的劳动力。”

他在推介仪式上强调，标准与信任也是不能忽视的，随着穆斯林友好型旅游在全球不断扩大，旅游也越来越希望在所消费的产品和服务上获得更明确的信息和信心。

整合乡村优势推动旅游

阿末扎希也是乡村及区域发展部长，他说，该部通过Desa Kirana将旅游机会进一步带到乡村地区，将我国乡村现有的优势整合，让游客体验大马的遗产与文化、自然景点、本地美食、传统产品、以及乡村生活方式。

他说，Desa Kirana已鉴定全国25个地点，并设下2026年大马旅游年期间吸引10万名游客的目标。

“我们也希望旅游消费能够支持民宿经营者、食品生产商、手工业者、导游和乡区企业家，同时为本地社区带来新的收入来源。”

吁民衆給“藍潮”信心

也是国阵主席的阿末扎希向民众喊话，要求给予“蓝色浪潮”信心！

他在推介仪式上说，这种信任符合基于信任作为建立国家领导层的远景。

“我们现在的责任是将信任转化为更牢固的伙伴关系，将信任转化为选票，将信任转化为这股在大马兴起的新‘蓝色浪潮’，愿上苍保佑。”

甲州选合作须调研基层情绪

阿末扎希随后在新闻发布会上表示，马六甲州选举上的任何合作决定，都将研究基层的情绪后再做考虑。

他指出，目前基层对于国阵在马六甲州选的合作意向有不同情绪，因此在作出任何决定前，都将进行详细研究。

他也援引马来谚语“不要进入连鲶鱼都无法生存的水潭，或者只剩下鱼骨的地方”，形容巫统国阵不贸然冒险，进入龙潭虎穴，让自己遭受巨大损失。

他是针对巫青团长拿督阿克马呼吁国阵在马六甲州选与国盟合作一事，如是回应。

国阵将派代表出席伊党大会

此外，阿末扎希表示，国阵将派代表出席9月初在吉兰丹召开的伊斯兰党代表大会。

伊党总秘书拿督斯里达基尤丁昨日表示，该党仍在等待巫统针对邀请4名代表出席9月2日召开的伊党代表大会作出答复。

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	China Press
TAJUK	Mesti siasat dalang di sebalik tabir
PAUTAN	https://tinyurl.com/mbyzmb9u

聯土局近100億損失

扎希：須查幕後主使

（吉隆坡23日讯）副首相拿督斯里阿末扎希强调，政府有必要对联邦土地发展局（FELDA）展开法务审计，以鉴定该局的管理过程中，是否涉及滥权、失信或治理失误等问题，并查出导致该局蒙受近100亿令吉钜额损失的幕后主使。

他说，鉴于该局的问题已持续多年，且造成数十亿令吉的损失，仅进行管理审计并不足够。

"FELDA正面对非常严重且长期存在的问题。90亿令吉的损失是无法容忍的。"

續保障22.5萬墾殖民

阿末扎希也是乡村及区域发展部长。他今日推介2026年世界伊斯兰旅游与贸易博览会（WITEX）部长与总执行长峰会后，受询及是否支持成立皇家调查委员会调查该局时，这么说。

他说，若有确凿证据，应将相关负责人绳之以法，但也强调，相关调查不应被用来迫害或羞辱任何人。

他承诺，政府将继续保障22万5000名FELDA垦殖民，及涵盖第1至第5代、总人数约180万人的广大FELDA社群的利益与福祉。

首相拿督斯里安华早前指出，政府将在数月内完成FELDA调查委员会报告，并暗示将根据朝圣基金局皇委会报告的做法，公开有关的报告。

他说，这项报告将成为政府应对FELDA长期面对的治理问题方式之一，并提升透明度。



■阿末扎希（左）聆听商贩对产品的介绍。

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Kosmo
TAJUK	Asyraf berjaya sebagai usahawan pertukangan
PAUTAN	https://tinyurl.com/52d8c9hf

Kerjaya TVET

Asyraf berjaya sebagai usahawan pertukangan

Oleh **SAIRUL ZAMRI MISRANI**

BERMULA dengan menghasilkan rak kecil untuk meletakkan sayur di belakang rumah, siapa sangka minat seorang anak muda terhadap kerja pertukangan kayu akhirnya berkembang menjadi sebuah perusahaan yang mampu menjana pendapatan.

Itulah kisah Muhammad Asyraf Muhammad Amin dari Kampung Bendang Ketereh, Kelantan yang membuktikan bahawa laluan pendidikan berasaskan kemahiran mampu membuka ruang luas kepada generasi muda untuk membina kerjaya sendiri.

Tidak memilih untuk bergantung sepenuhnya kepada pekerjaan makan gaji, dia yang mesra disapa Asyraf, 25, menggunakan kemahiran yang dipelajarinya dalam bidang Teknologi Berasaskan Kayu untuk membangunkan perniagaan pertukangan kayu selepas menamatkan pengajian di sebuah politeknik pada tahun 2020.

Menurutnya, minat terhadap dunia pertukangan bukan sesuatu yang muncul secara tiba-tiba.

Sejak di bangku sekolah lagi, Asyraf sudah menunjukkan kecenderungan terhadap kerja yang membabitkan kayu, reka bentuk serta penghasilan produk menggunakan kemahiran tangan dan mesin.

Anak muda ini kemudiannya memperoleh Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA), Shah Alam, Selangor sebelum menggunakan pengetahuan berkenaan sebagai asas untuk memulakan perniagaan sendiri.

"Pada peringkat awal, perjalanan itu tidaklah semudah yang disangka.

"Saya mulanya hanya menghasilkan rak dinding kecil untuk sayur-sayuran di belakang rumah di Kok Lanas, Kelantan sebelum menjual hasil kerja itu kepada penduduk sekitar.

"Daripada sebuah ruang kecil di belakang rumah, saya mula berfikir ia boleh ditukar kepada peluang bisnes lebih-lebih lagi selepas pelanggan mula mendapatkan khidmatnya," katanya kepada *K-Kompus*.

Kini, Asyraf mengusahakan MA Land Resources Sdn. Bhd., sebuah syarikat yang menawarkan perkhidmatan pertukangan kayu termasuk menghasilkan kabinet dapur, almari serta pelbagai produk perabot mengikut permintaan pelanggan.

Permintaan terhadap produk pertukangan kayu yang dihasilkan syarikat berkenaan turut menerima maklum balas positif dari seluruh Kelantan.

Lebih membanggakan, perniagaan itu bukan lagi sekadar usaha seorang anak muda untuk mencari pendapatan sendiri, malah dia berjaya mengembangkan operasi sehingga menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat.

Tambah Asyraf, kejayaan syarikatnya sejak ditubuhkan hampir empat tahun itu turut diperkukuh menerusi bantuan dan bimbingan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (Risda) melalui inisiatif Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET).

Beritahunya, bapanya yang merupakan seorang pekebun kecil turut menerima bantuan AET daripada Risda untuk memulakan perniagaan, sekali gus membuka ruang kepada Asyraf mengembangkan bidang pertukangan kayu yang diminatinya.

"Sokongan dan bantuan pihak Risda amat membantu terutama ketika memulakan perniagaan pada peringkat awal.

"Bantuan berkenaan bukan sahaja membolehkan saya mengembangkan perniagaan, malah memberikan bimbingan untuk menjadikan kemahiran yang dimiliki sebagai sebuah aktiviti ekonomi yang lebih tersusun," katanya.

Lebih manis, dia kini mampu meraih pendapatan enam angka sebulan hasil perniagaan pertukangan kayunya itu dengan dibantu 12 pekerja.

Pencapaian itu turut mendapat perhatian Pengerusi Risda, Manndzri Nasib ketika lawatan kerja meninjau projek usahawan AET baru-baru ini.

Jelas Asyraf, pengiktirafan dan kejayaan tersebut memperlihatkan bagaimana pendidikan kemahiran boleh menjadi jambatan antara pembelajaran dengan dunia pekerjaan dan keusahawanan sebenar.

Baginya, kemahiran yang dipelajari di kampus sebelum ini bukan sekadar memberikan kelayakan akademik, sebaliknya membolehkannya memahami bahan, mengendalikan mesin, mereka bentuk produk serta menghasilkan perabot mengikut kehendak pelanggan.

Lebih penting, kejayaan itu dibina secara berperingkat dan bukan datang dengan tiba-tiba.

"Daripada sekeping kayu yang dipotong dan dibentuk di ruang kecil di belakang rumah, lahir produk yang mempunyai nilai komersial.

"Saya juga sudah buktikan kemahiran teknikal yang dimiliki boleh dijadikan modal untuk seseorang mencipta pekerjaan, membangunkan perniagaan dan membuka peluang kepada orang lain," ujarnya.

Tambahnya, dengan minat, latihan yang tepat, kemahiran teknikal serta keberanian mengambil peluang, lulusan kemahiran juga mampu mencipta laluan kerjaya sendiri tanpa perlu menunggu peluang pekerjaan datang kepada mereka.



ATAS: ASYRAF (depan, kiri) menerangkan mengenai operasi perniagaan pertukangan kayu dan kabinet syarikatnya kepada Manndzri (tengah) ketika sesi lawatan usahawan AET bimbingan Risda di Ketereh, Kelantan baru-baru ini.



KANAN: ASYRAF (kanan) bersama pekerjanya ketika memeriksa kayu yang digunakan untuk kerja-kerja produk pertukangan.

KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2, NO. 47, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4, 62100
PUTRAJAYA, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA
No. Faks: 03-8888 2367 No. Tel: 03-8891 5945
Email: corpcomm@rurallink.gov.my

LIPUTAN MEDIA 24 OGOS 2026 (ISNIN)	
MEDIA	Utusan Borneo
TAJUK	Program MARA pacu jualan usahawan Sarawak
PAUTAN	https://tinyurl.com/mr2tdy3k

Program MARA pacu jualan usahawan Sarawak

Jana jualan RM53.4 juta tahun lalu, buka peluang menyumbang kembali kepada komuniti: Rubiah

Oleh Henrietta Liza

KOTA SAMARAHAN: Usahawan Sarawak berjaya menjana nilai jualan berjumlah RM53.4 juta tahun lepas menerusi pelbagai program pembangunan keusahawanan yang disokong Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Timbalan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) Datuk Rubiah Wang berkata, sokongan agensi KKDW terbabit bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan usahawan Sarawak, malah membuka peluang kepada mereka untuk menyumbang kembali kepada komuniti.

"Dengan sokongan Majlis Amanah Rakyat (MARA) seramai 1,156 usahawan Sarawak pada 2025 telah memanfaatkan kira-kira RM33 juta dengan menjana nilai jualan sebanyak RM53.4 juta serta mewujudkan lebih 1,045 peluang pekerjaan.

"Pada masa yang sama, usahawan kena bagi balik kepada masyarakat.

"Contohnya hari ini, kita ada gunting rambut percuma dan pemeriksaan gigi percuma daripada usahawan-usahawan yang berjaya," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita pada Program GEMA@KKW Peringkat Negeri Sarawak di Halaman Kota Samarahan semalam yang bermula kelmarin dan berakhir hari ini.

Rubiah berkata, MARA menyediakan 24 skim pembiayaan bernilai antara RM10,000 dan RM1 juta, selain sokongan latihan, bimbingan, pensijilan, premis dan akses pasaran bagi membantu usahawan mengembangkan perniagaan.

Justeru katanya, Program GEMA@KKW menjadi platform kementerian turun padang dan menyantuni masyarakat luar bandar bagi memastikan tiada golongan yang terpinggir.

Tambahnya, pendekatan pembangunan luar bandar kini bukan sahaja memberi tumpuan kepada infrastruktur seperti jalan, bekalan air, elektrik dan jambatan, malah merangkumi pembangunan sosial serta ekonomi komuniti.

Usaha itu katanya, digerakkan menerusi kerjasama agensi di bawah KKDW melibatkan agensi KEMAS, RISDA, FELCRA, MARA dan GIATMARA, selain agensi pembangunan wilayah di Sarawak.

Program berkenaan turut mengetengahkan aktiviti Ziarah Kasih, gotong-royong, latihan kemahiran jangka pendek dan Program Belia Berbakti sebagai usaha mendekati masyarakat secara langsung.

Latihan kemahiran jangka pendek turut disediakan selama dua hingga tiga hari melibatkan bidang pemasangan elektrik dan komputer bagi memberi kemahiran asas kepada golongan muda luar bandar.

Pada masa sama katanya, Program GEMA@KKW dijangka diteruskan ke beberapa lokasi lain termasuk Lawas serta 20 kawasan Parlimen terpilih berdasarkan peruntukan.